

**SOALAN NO: 77**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]**

**RUJUKAN : BL 1 [PR-1351-T00085]**

**SOALAN :**

**YB William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menyelesaikan masalah banjir kilat.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Selayang, pelbagai langkah telah diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menguruskan sistem saliran sedia ada bagi mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:-

1. menyediakan pelan induk sistem saliran di Kuala Lumpur;
2. menyediakan perancangan kerja-kerja menaik taraf sistem saliran;
3. melaksanakan projek-projek saliran;
4. melaksanakan penyelenggaraan parit induk; dan
5. melaksanakan penyelenggaraan sungai dan kolam tahanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan khusus untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di Kuala Lumpur sentiasa disediakan pada setiap tahun. Pada tahun 2016, terdapat 14 buah projek saliran yang menelan belanja sebanyak RM54.4 juta telah dilaksanakan.

Pada tahun 2017 pula, terdapat 10 buah projek saliran dengan kos sebanyak RM48.5 juta sedang dilaksanakan pada ketika ini manakala projek-projek yang masih dalam fasa perancangan juga membabitkan 10 projek saliran adalah anggaran kos sebanyak RM108.

Perkara-perkara yang diuruskan oleh DBKL dalam pengurusan sistem saliran adalah seperti berikut:-

**(1) Kemudahan pembersihan sampah di bawah senggaraan DBKL**

- |  |          |
|--|----------|
| 1. Perangkap Sampah Terapung (Floating Boom) | 18 buah  |
| 2. Perangkap Sampah Statik (static screen)   | 120 buah |
| 3. Perangkap Sampah 'GPT'                    | 28 buah  |
| 4. Kebuk Sampah                              | 10 buah  |

**(2) Kolam takungan banjir yang diselenggara DBKL**

1. Kolam Lorong Maarof
2. Kolam Universiti Malaya
3. Kolam Kg. Cheras Baru
4. Kolam Kg. Bohol
5. Kolam Danau Kota
6. Kolam Air Leleh, Setapak
7. Kolam Intan Baiduri
8. Kolam Pasar Borong Selayang 1 & 2
9. Kolam Kg. Melayu Kepong
10. Kolam Jalan Travers
11. Kolam Bukit Tunku
12. Kolam Jalan Bukit Pantai

**(3) Sungai bawah selenggaraan DBKL**

Sepanjang 123 km sungai diselenggara DBKL.

**(4) Parit Induk**

Sepanjang 143 km parit induk diselenggara DBKL.

Secara keseluruhannya, DBKL mengambil maklum bahawa hanya terdapat satu kawasan kediaman di Kuala Lumpur yang terjejas secara langsung daripada kejadian banjir kilat iaitu di Kg. Segambut Bahagia berikutan kedudukannya yang sangat rendah. Justeru, projek untuk mengatasi masalah banjir di lokasi ini telah diluluskan di mana pembinaannya akan bermula pada tahun ini.

Apa yang kerap berlaku apabila hujan lebat di Kuala Lumpur pada masa ini adalah banjir kilat di atas jalan raya yang akan surut dengan cepat serta melibatkan hanya beberapa lokasi keadaan banjir atas jalan sehingga mengakibatkan lalu lintas terhalang. Penilaian serta usaha penyelesaian holistic terhadap perkara ini sedang diteliti oleh DBKL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBKL telah menubuhkan Pasukan Tindakan Khas Banjir Kilat khususnya banjir kilat yang melanda kawasan jalan raya. Fungsi pasukan ini adalah untuk memantau kawasan *hot spot* banjir melalui CCTV dan seterusnya bergerak ke lokasi yang dikenalpasti untuk membantu kelancara lalu lintas serta membuang halangan-halangan di laluan keluar air untuk mempercepatkan proses surut dan menyediakan laporan untuk tindakan susulan.